

# Perlu belajar daripada kesilapan

**SEMENTARA** itu, Adun Sungai Burong, Datuk Mohd Shamsudin Lias berkata, jabatan berkaitan perlu mengambil kira dan mengkaji punca benteng pecah yang pernah berlaku sebelum ini.

“Sebelum ini, fenomena air pasang besar yang melanda kawasan pantai cukup menjejaskan penempatan penduduk dan mengakibatkan ratusan ekar tanah pertanian rosak.

“Sebab itu saya menyarankan su-

paya belajar daripada kesilapan dan jadikan sejarah lalu sebagai iktibar supaya benteng yang dibina cukup kukuh dan tidak dinaiki air.

“JPS juga perlu prihatin dengan keadaan benteng yang pecah dan perlu dibaiki dengan sempurna supaya gelombang kedua fenomena air pasang ini tidak menjejaskan penempatan penduduk,” katanya selepas bersama 50 penduduk bergotong-royong mengisi pasir di dalam 2,000 guni yang

akan dijadikan benteng sementara di kawasan berisiko.

Mohd Shamsudin berkata, penduduk berusaha yang terbaik untuk membantu mengelakkan kawasan ban dinaiki air dan berdoa tiada musibah tidak diingini berlaku.

“Terima kasih kepada sukarelawan dan penduduk kampung yang bantu menyediakan benteng pasir untuk diletakkan di kawasan tebing pantai yang pecah,” katanya.



**Shamsul Shahril Badliza (dua, kiri) meninjau kawasan ban.**